

ڦتيقڻ ٿيٽه

## PETIKAN TITAH

"INILAH ajaran Islam, sangkut-menyangkuti menjadi amalannya. Tiada beriman seseorang yang membiarkan rumah saudaranya tidak berasap, sedang rumahnya sendiri dipenuhi dengan aneka hidangan atau juadah.

- Titah Sempena Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1439 Hijrah / 2018 Masihi Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Waktu Sembahyang

TAHUN 63 / BILANGAN 94

IMSAK  
4.46

SUBUH  
4.56

SYURUK  
6.17

DUHA  
6.40

ZUHUR  
12.27

ASAR  
3.46

MAGHRIB  
6.36

ISYAK  
7.48

Daerah Belait ditambah 3 Minit  
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit



6 OGOS 2018 / 1439 ذوالقعدة 24

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

مانيسن ايمان

## MANISNYA IMAN

"DAN apa jua harta yang kamu belanjakan (pada jalan Allah) maka (pahalanya) untuk diri kamu sendiri. Dan kamu tidak pula membelanjakan (sesuatu) melainkan kerana mengharapkan keredaan Allah. Dan apa jua harta yang kamu belanjakan, akan disempurnakan (ganjaran pahalanya) kepada kamu."

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 272.

# Eco-System Keusahawanan Belia, yang lebih komprehensif disediakan



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-13, pada Rabu, 19 Zulkaedah 1439 Hijrah bersamaan 1 Ogos 2018 Masihi di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

**Assalamu'alaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillaahir Rahmaanir Raheem  
Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen,  
Wassalaatu' Wassalaamu  
'Alaa Asyaraafil Mursaleen, Sayyidina  
Muhammadin, Wa'alaa Aalihee  
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du**

**B**ETA bersyukur kerana dapat pula menghadiri Perhimpunan Hari Belia Kebangsaan Ke-13 pada pagi ini.

Di kebelakangan ini, beta mendapati, berlaku kemajuan dan perkembangan positif di kalangan para belia kita, khasnya dalam bidang keusahawanan dan kemasyarakatan, sama ada secara individu maupun perkumpulan, bukan sahaja dalam negara bahkan juga di peringkat serantau dan antarabangsa.

Hampir setiap hari kita mendengar dan membaca di dalam laman-laman media sosial tentang kejayaan anak-anak muda menerokai pelbagai bidang dalam kehidupan. Ini setentunya menjadi pembakar semangat kepada semua.

Kita adalah menyedari akan keperluan usaha. Kerana rezeki tidak datang bergolek, melainkan memerlukan usaha, dan dengan usaha itulah juga kita mampu

menembusi dunia pasaran.

Dengan adanya ledakan maklumat dan pesatnya jaringan komunikasi berteknologi tinggi, maka bidang perniagaan dan usahawan adalah terbuka lebih luas. Dengan terciptanya platform seperti ini, para belia seharusnya lebih kreatif lagi memperkasa diri masing-masing.

Pada masa yang sama, kerajaan beta juga sedang menyusun semula dan memperbaiki 'Eco-System Keusahawanan Belia' untuk membantu mereka menjadi pengusaha yang berjaya.

Usaha-usaha ini termasuklah mengemaskinikan program yang sedia ada di bidang *capacity building* penyediaan kemudahan infrastruktur yang

berbentuk fizikal dan *digital* serta kemudahan pembiayaan kewangan dan *market access*.

Di samping itu, kerajaan beta juga akan turut melangkah lebih jauh menyediakan Eco-System Keusahawanan Belia yang lebih komprehensif. Salah satu daripada pemberian Eco-System tersebut ialah dengan mempromosi dan menyediakan peluang-peluang perniagaan yang spesifik untuk membantu para belia memulakan perusahaan.

Pihak agensi kerajaan yang berkenaan akan bekerja rapat dengan pengusaha-pengusaha belia di dalam mengenal pasti bidang-bidang tertentu, seperti menyediakan pelan perniagaan dan kemudahan-kemudahan lain.

Ke arah ini, beta amat gembira dengan adanya pelancaran salah satu program pada hari ini yang dipanggil sebagai I-Usahawan. Program ini akan memberi peluang kepada pengusaha-pengusaha belia tempatan bagi mengambil bahagian di dalam tender untuk kontrak-kontrak berisiko rendah dan sebagainya.

Setakat ini, terdapat sebanyak 30 kontrak industri minyak dan gas bagi program perintis I-Usahawan. Program ini berpotensi untuk dilaratkan ke sektor lain dan juga sektor kerajaan.

Pada satu ketika dahulu kita mempunyai program peladang muda. Dengan teknologi yang lebih moden dan peluang yang lebih luas di dalam Agribusiness, maka mungkin saja program ini sesuai untuk dihidupkan semula, dengan pendekatan yang baru.


Pada hemat beta, semua inisiatif yang sedia ada dan sedang dirancang, jika dimanfaatkan sepenuhnya, tidak mustahil ia berupaya untuk melahirkan ratusan pengusaha dan ribuan peluang pekerjaan.

Oleh itu, pastikanlah ia, tidak disia-siakan.

Untuk akhirnya, bersempena Hari Belia Kebangsaan pada tahun ini, beta mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua golongan belia di negara ini yang telah memberikan sumbangan mereka kepada negara dan bangsa.

Sekian, Wabillahit Taufiq Walhidayah,  
Wassalamu Alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.

**"PADA hemat beta,  
semua inisiatif yang sedia ada dan  
sedang dirancang, jika dimanfaatkan  
sepenuhnya, tidak mustahil ia berupaya  
untuk melahirkan ratusan pengusaha  
dan ribuan peluang pekerjaan."**



## Pengasas As Salwaa tidak gentar ambil risiko



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar bersama Dayang Edyzurina binti Awang ketika menyertai Ekspo China - ASEAN (CAEXPO) di Nanning, China pada tahun lalu.

**S**EMANGAT juang Belia Berwawasan kali ini perlu dijadikan inspirasi kepada para belia di negara ini agar tidak gentar untuk memulakan sesuatu yang dapat memberi kebaikan bukan saja pada diri

sendiri bahkan keluarga dan negara. Belia Berwawasan ini merupakan seorang pengusaha produk kecantikan semula jadi yang pertama di Negara Brunei Darussalam. Bermula dengan pengalaman beliau memiliki

masalah kulit sensitif di mana beliau perlu menggunakan produk berasaskan bahan tumbuhan justeru mendorong beliau untuk mencipta produk semula jadi yang dapat menjadi jalan penyelesaian bagi mereka yang memiliki masalah yang sama. Kini beliau telah menghasilkan beberapa produk rawatan kulit seperti serum, *body oil (massage oil)* dan *body balm* untuk penjagaan kulit badan. Ini termasuk produk kosmetik tiga dalam satu (*three in one facial tint*) yang mana sesuai untuk diaplikasikan sebagai pewarna bibir, pipi dan kelopak mata.

Dayang Edyzurina binti Awang selaku Pengasas Syarikat As Salwaa Beauty mula memperkenalkan MukaKu Cosmetics pada bulan April lalu setelah mengikuti kursus-kursus pembuatan produk kosmetik di luar negara termasuk ketika mengikuti pengajian Diploma in Organic Skincare Formulation di United Kingdom. Di samping itu, beliau juga banyak membuat kajian mengenai pasaran tempatan dan antarabangsa khususnya bagi produk kosmetik semula jadi. Dayang Edyzurina, 36 tahun juga merupakan Pengurus Am syarikat berkenaan telah membuka sebuah pusat rawatan kecantikan (spa) di Kampung Menglait, Gadong pada bulan Mei 2017 lalu.

Antara pencapaian terbaik yang pernah beliau kecapi

berkecimpung dalam dunia keusahawanan ini adalah memperkenalkan produk MukaKu Cosmetics sebagai jenama kosmetik pertama keluaran Brunei pada perasmian Ekspos China - ASEAN (CAEXPO) Ke-14 di Nanning China. Selain itu, produk beliau juga terpilih sebagai salah satu jenama tempatan bagi projek Catalyst yang dianjurkan oleh Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) di mana mereka bekerjasama dengan Syarikat Fashion Valet yang akan membimbing syarikatnya dan lapan buah syarikat tempatan lain untuk menembusi pasaran antarabangsa.

Dalam perjuangannya untuk

membangunkan perniagaan produk kosmetik tersebut, sudah tentu beliau tidak lari daripada berhadapan dengan cabaran apa lagi produk yang beliau hasilkan merupakan produk kecantikan yang menggunakan bahan semula jadi, hasil tangan anak tempatan perlulah menjadi produk yang bermutu tinggi dan menepati piawaian yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Brunei Darussalam. Di sebalik liku-liku tersebut, beliau bersyukur kerana ahli keluarga, sahabat handai serta rakan seperjuangan dalam dunia keusahawanan

tempatan dan juga luar negara sentiasa memberi sokongan dan dorongan sehingga kini.

Mengenai perancangan pada masa akan datang, beliau berhasrat untuk mempelbagaikan lagi penghasilan produk kosmetik semula jadi termasuk rangkaian rawatan kecantikan wajah dan badan. Beliau juga mahu menjadikan produk-produk yang dihasilkan berjaya menembusi pasaran antarabangsa sekali gus diterima sebagai produk pilihan antarabangsa.

Pesanan beliau kepada para belia yang ingin menceburti dunia keusahawanan agar mengambil peluang yang sedia ada dan rajin menimba ilmu walau di mana jua.

"Jangan mudah putus asa. Apa jua yang kita lakukan kerana minat, insyaaAllah kita pasti akan laluinya dengan mudah meskipun prosesnya bukan semudah yang difikirkan. Yang penting, you must enjoy what you do!" tegas Dayang Edyzurina.

Untuk mengikuti perkembangan terkini mengenai Dayang Edyzurina, ikuti Instagram @as\_salwaa, @mukaku\_cosmetics dan @assalaa.beauty.spa.



**BELIAU** membuat demonstrasi rawatan penjagaan kulit semasa Majlis Pembukaan As Salwaa Beauty Spa pada bulan Mei 2017.



**DAYANG** Edyzurina bergambar ramai bersama kakitangan Syarikat As Salwaa Beauty semasa Ekspos Let's Raya yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada bulan Jun 2017 yang lalu.